

'Haji ekspres' haram

● Hukum mendapatkan khidmat sindiket 'haji ekspres' adalah haram kerana melibatkan pemberian rasuah serta merampas hak orang lain yang menunggu giliran untuk menunaikan ibadat tersebut.

● Pengerusi Majlis Fatwa, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin berkata, peserta haji dan mereka yang bersubahat dalam perbuatan itu menanggung dosa kerana ia jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

● Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom mengesahkan laporan *Utusan Malaysia* semalam beberapa pegawai dan kakitangan Lembaga Tabung Haji (TH) yang disyaki terlibat dalam sindiket itu sedang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

BERITA PENUH DI MUKA 4

250 jemaah guna sindiket haji

Oleh **ASSIM HASSAN** dan
WAN NOOR HAYATI WAN ALIAS
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 4 Feb. - Sindiket 'haji ekspres' yang menawarkan orang ramai melangkau giliran bagi menunaikan ibadat haji dipercayai melibatkan kira-kira 250 jemaah sejak tahun 2009.

Kesemua jemaah terlibat pula dikesan berasal dari beberapa negeri seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Kelantan.

Setiap jemaah dikatakan perlu membayar antara RM1,000 ke RM2,000 setiap seorang bagi membolehkan mereka dapat menunaikan haji dengan lebih cepat walaupun belum layak mengikut kouta yang ditetapkan.

Difahamkan, setakat ini, lebih 20 jemaah haji dari Kelantan yang menggunakan khidmat 'haji ekspres' tersebut diminta membantu siasatan pihak berkuasa.

Sementara itu, menurut sumber, setiap negeri mempunyai orang tengah yang menguruskan sindiket ini.

"Sindiket ini dikatakan menyasarkan golongan warga emas yang masih belum tersenarai untuk menunaikan ibadat haji, na-

mun mampu untuk mengerjakan rukun Islam kelima itu," katanya kepada *Mingguan Malaysia* hari ini.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan terdapat satu sindiket 'haji ekspres' dikesan beroperasi sejak beberapa tahun lalu dengan menawarkan orang ramai melangkaui giliran bagi menunaikan ibadat haji.

Sindiket itu dipercayai turut dianggotai oleh pegawai Lembaga Tabung Haji (TH) dan beberapa bekas kakitangannya.

Tambah sumber itu lagi, dianggarkan pada tahun 2009, lebih daripada 100 jemaah berpeluang menunaikan ibadat haji menggunakan khidmat sindiket 'haji ekspres' ini.

Bagaimanapun, difahamkan, setakat ini, tiada penglibatan agensi pelancongan dalam aktiviti sindiket berkenaan.

"Tidak boleh dinafikan bahawa jenayah melibatkan penyelewengan ini boleh berlaku di mana-mana.

"Selain itu, antara contoh ketara 'haji ekspres' ini adalah beberapa jemaah yang menerima surat tawaran untuk menunaikan ibadat haji serta diarahkan untuk membuat

persediaan seperti pemeriksaan kesihatan, kursus dan sebagainya.

"Sebaik melepasi segala proses yang ditetapkan, nama mereka secara tiba-tiba digugurkan pada saat akhir. Kita percaya, tempat giliran mereka diambil oleh jemaah 'haji ekspres' ini," kata sumber itu.

Pengarah Bahagian Operasi Khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mohd. Jamidan Abdullah ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* hari ini mengesahkan, siasatan berhubung penyelewengan dalam agensi itu sedang dijalankan. Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

● Minta suapan cepatkan giliran haji ● Pegawai TH antara terlibat

Sindiket 'haji ekspres'

● Satu sindiket 'haji ekspres' dikesan beroperasi sejak beberapa tahun lalu dengan menawarkan orang ramai melangkaui giliran bagi menunaikan ibadat haji.

● Difahamkan, sindiket itu turut dianggotai pegawai

EKSKLUSIF

● Kegiatan sindiket itu berjaya dikesan pihak berkuasa pada 2009 apabila mereka dilaporkan meminta suapan bagi

● Setiap jemaah haji dikatakan perlu membayar sejumlah wang kepada ahli sindiket tersebut bagi membolehkan mereka tersenarai sebagai calon yang layak menunaikan haji.

● Selain dua pegawai agensi itu, tiga perantara terdiri daripada

● Menurut sumber, sindiket tersebut bergerak di seluruh Malaysia dan dipercayai ratusan jemaah haji sudah menggunakan khidmat sindiket berkenaan sejak ia mula beroperasi.

KERATAN akhbar *Utusan Malaysia* keluaran 4 Februari 2012.